# C Karalasingam dan satu lagi v Nadraja a/l Ratnam dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — SAMAN PEMULA S4–24– 997 TAHUN 1998

RAHMAH HUSSAIN J

20 JULY 1999

***Acara Sivil*** *— Injunksi — Injunksi untuk penyingkiran defendan sebagai pengerusi khairat kerana sabitan akibat pecah amanah — Rayuan terhadap sabitan belum didengar — Ketenteraman awam dan kebaikan khairat dipertimbangkan — Sama ada injunksi harus diberi*

***Acara Sivil*** *— Locus standi — Kebenaran Peguam Negara — Keperluan Peguam Negara menjadi pihak kepada tindakan — Peguam Negara memberi kebenaran tetapi enggan menjadi pihak — Sama ada tindakan sah — Akta Prosiding Kerajaan 1956 s 9(3)*

Tindakan ini dibawa oleh plaintiff pertama sebagai salah seorang wakil lembaga pengurusan bagi amanah khairat yang dikenali sebagai Kuil Sri Maha Mariamman ('kuil tersebut'). Defendan pertama adalah pada masa ini pengerusi lembaga pengurusan dan mempengerusikan semua mesyuarat lembaga pengurusan dan jawatankuasa kerja bagi kuil tersebut. Beliau telah disabitkan oleh mahkamah sesyen menurut s 409 Kanun Keseksaan dan dipenjarakan 21 bulan atas tiga tuduhan pecah amanah. Walau bagaimanapun, beliau telah dilepaskan atas jaminan sementara menunggu rayuan. Plaintiff memohon, antara lainnya, suatu injunksi yang menghalang defendan pertama daripada memegang jawatan sebagai pengerusi khairat kuil tersebut oleh kerana sabitannya. Defendan telah membangkit suatu bantahan permulaan iaitu saman pemula plaintiff tidak mematuhi Akta Prosiding Kerajaan 1956 terutamanya s 9(3) di mana dinyatakan dengan jelas bahawa Peguam Negara semestinya merupakan pihak kepada tindakan itu dan kegagalan berbuat demikian bermakna keseluruhan tindakan itu adalah tidak sah dari permulaannya dan mesti dibatalkan. Defendan telah merujuk kepada kes *Ledchumanan Nagappan v R Nadarajah & Ors* [1993] 4 CLJ 253. Plaintiff menghujahkan bahawa apa yang perlu ialah persetujuan dari Peguam Negara. Ekshibit ditunjukkan di mana Peguam Negara telah memberi kebenaran tetapi tidak mahu menjadi pihak dalam kes ini. Defendan berhujah bahawa sabitan defendan di mahkamah sesyen tidak muktamad kerana beliau telah memfailkan notis rayuan di Mahkamah Tinggi. Berdasarkan autoriti-autoriti, defendan tidak boleh dianggap sebagai telah disabitkan. Plaintiff menyatakan bahawa autoriti-autoriti yang telah dirujuk adalah tidak relevan bagi kes sekarang kerana kes-kes tersebut adalah kes politik.

**Diputuskan,** memerintahkan saman pemula ditukar ke suatu tindakan writ:

(1) Kes *Ledchumanan Nagappan* tidak terpakai di dalam kes sekarang kerana faktanya berbeza. Dalam kes tersebut, Ledchumanan telah tidak memohon kebenaran Peguam Negara tetapi dalam kes sekarang, Peguam Negara telah memberi kebenarannya, hanya beliau tidak ingin dijadikan satu pihak. Oleh yang demikian, mahkamah menolak bantahan permulaan defendan (lihat ms 270I–271A); *Ledchumanan Nagappan v R Nadarajah & Ors* [1993] 4 CLJ 253 dibeza.

(2) Salah satu kes yang dirujukkan oleh defendan adalah satu kes pecah amanah di mana mahkamah telah memutuskan bahawa setelah rayuan terhadap sabitan ditolak, barulah sabitan tersebut dianggap muktamad. Dalam kes-kes politik yang dirujuk oleh defendan pula, sungguhpun berunsur politik, tetapi prinsip undang-undang yang diputuskan adalah mengenai hal seseorang di sisi undang-undang setelah disabitkan oleh mahkamah rendah dan rayuan dibuat ke Mahkamah Tinggi (lihat ms 271G–272A).

(3) Berdasarkan fakta kes ini, mahkamah bersetuju bahawa wujud isu-isu penting yang perlu dibicarakan, tetapi berpendapat imbangan kesesuaian memihak kepada defendan. Jika suatu perintah injunksi diberikan pada masa ini, adalah tidak adil kepada defendan pertama di mana sabitannya belum muktamad dan perintah injunksi juga akan menjejaskan pentadbiran khairat tersebut. Juga, kerugian kepada defendan tidak boleh dipampaskan dengan gantirugi kerana nama baiknya telah tercemar apabila beliau diberhentikan dari menjadi seorang pengerusi apabila di akhir perbicaraan beliau didapati tidak bersalah (lihat ms 273B–D).

(4) Memandangkan khairat ini mempunyai banyak ahli, maka adalah lebih wajar untuk mengekalkan ketenteraman awam dan untuk kebaikan khairat tersebut, supaya perintah yang dipohon oleh plaintif tidak dibenarkan. Sebaliknya, adalah lebih baik kes ini dibicarakan di mahkamah terbuka dengan memanggil saksi-saksi dan pada masa itu ditentukan siapakah yang benar. Dengan yang demkian, demi keadilan, mahkamah memerintahkan supaya saman pemula itu ditukar ke satu tindakan writ di bawah A 28 k 8 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (lihat ms 273D–E).

**[English summary**

This is an action by the first plaintiff as one of the representatives of the management board for a charitable trust known as the Sri Maha Mariamman Temple ('the temple'). The first defendant is at present the chairman of the management board and chairs all the management board meetings and committee work for the temple. He has been convicted by the sessions court in accordance to s 409 of the Penal Code and is imprisoned for 21 months for three accusations of breach of trust. Nevertheless' he has been released on bail pending his appeal. The plaintiff applied, among others, an injunction to stop the

first defendant from holding the post of chairman of the charitable temple due to his conviction. The defendant raised a preliminary objection that the originating summons of the plaintiff was not in accordance to the Government Proceedings Act 1959 especially s 9(3) where it is stated clearly that the Attorney General must be a party to this action and failure to do so would mean that the whole action is not valid from the beginning and must be revoked. The defendant referred to the case of *Ledchumanan Nagappan v R Nadarajah & Ors* [1993] 4 CLJ 253. The plaintiff argued that what is necessary was the consent from the Attorney General. The exhibit showed that the Attorney General had given permission but did not want to be a party to the action. The defendant argued that his conviction in the sessions court was not conclusive because he had filed a notice of appeal to the High Court. Based on the authorities, the defendant cannot be regarded as been convicted. The plaintiff stated that the authorities referred to had no relevance to the case at present as those cases were political cases.

**Held**, ordering that the originating summons be altered to a writ action:

(1) The case of *Ledchumanan Nagappan* was not used in the present case because the facts were different. In that case, Ledchumanan had applied for the consent of the Attorney General but in this present case, the Attorney General had given his consent, only that he would not want to be a party. Therefore, the court rejected the preliminary objection of the defendant (see pp 270I–271A); *Ledchumanan Nagappan v R Nadarajah & Ors* [1993] 4 CLJ 253 distinguished.

(2) One of the cases referred to by the defendant was a breach of trust case where the court had come to a decision that after an appeal on a conviction is rejected, only then can the conviction be conclusive. In the political cases referred to by the defendant, even though it has elements of politics, the principle of law that has been decided is with regard to a person who had been convicted by the lower court and made an appeal to the High Court (see pp 271G–272A).

(3) Based on the facts of the case, the court agreed that there exist important issues necessary to be heard, however is of the opinion that the balance of probabilities is for the defendant. If an injunction order is given now, it would not be fair to the first defendant where his conviction is not conclusive and an injunction order cannot be compensated with damages because his good reputation will be jeopardized if he is dismissed from being the chairman and subsequently found not guilty at the end of the trial (see p 273B–D).

(4) As the charity has many members, it is wise to maintain public peace and for the benefit of the charity itself, so that the order

applied for by the plaintiff is not allowed. Therefore, it is better if the case is heard in open court with the calling of witnesses and at that time to judge who is telling the truth. In this way, in the name of justice, the court orders that the originating summons be altered into a writ action under O 28 r 8 Rules of the High Court 1980 (see p 273D–E).]

**Nota-nota**

Untuk kes mengenai injunksi secara am, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 1998 Reissue) perenggan 1927–2353.

Untuk kes mengenai locus standi secara am, lihat 2(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 1998 Reissue) perenggan 3083–3118.

**Kes-kes yang dirujuk**

*American Cyanamid Co v Ethicon Ltd* [1975] 2 WLR 316 (dirujuk)
*CHS, Re* [1997] 3 MLJ 152 (dirujuk)
*Fan Yew Teng v Setia Usaha, Dewan Ra'ayat & Ors* [1975] 2 MLJ 40 (dirujuk)
*Haji Abdullah & Ors v Ibrahim & Ors* [1965] 2 MLJ 189 (dirujuk)
*Jeyaretnam JB v Attorney General* [1990] 3 MLJ 211 (dirujuk)
*King, The v Barron* [1914] 2 KB 570 (dirujuk)
*Ledchumanan Nagappan v R Nadarajah & Ors* [1993] 4 CLJ 253 (dibeza)
*Lee Chick Yet v Chen Siew Hee & Ors* [1977] 2 MLJ 218 (dirujuk)
*WE Balasingam v The Bar Council* [1986] 1 MLJ 334 (dirujuk)

**Undang-undang yang dirujuk**

Akta Prosiding Kerajaan 1956 s 9
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 18 k 19(1), A 28 k 8
Kanun Keseksaan s 409

*Ravindran Devadason* (*AM Kandar* bersamanya) (*Devadason & Devadason*) bagi plaintif-plaintif.

*Karpal Singh* (*M Sathia* bersamanya) (*M Sathia & Associates*) bagi defendan-defendan.

**Rahmah Hussain J**: Bagi kandungan (1), permohonan plaintif adalah untuk perintah-perintah berikut:

(1) suatu injunksi yang menghalang defendan pertama daripada memegang jawatan sebagai Pengerusi Lembaga Pengurusan bagi Khairat yang dikenali sebagai Kuil Sri Maha Mariamman di Jalan Tun HS Lee, Kuala Lumpur, oleh kerana sabitan defendan pertama menurut s 409 Kanun Keseksaan oleh Mahkamah Sesyen di Kuala Lumpur pada 27 Februari 1998 berkenaan dengan Kes Tangkapan No 1-62-180-93;

(2) suatu injunksi yang menghalang defendan pertama daripada meneruskan sebagai salah seorang penandatangan cek untuk

akaun-akaun bank yang dipegang oleh Khairat yang dikenali sebagai Kuil Sri Maha Mariamman oleh kerana sabitan defendan pertama menurut s 409 Kanun Keseksaan oleh Mahkamah Sesyen di Kuala Lumpur pada 27 Februari 1998 berkenaan dengan Kes Tangkapan No 1-62-180-93;

(3) suatu deklarasi bahawa defendan pertama oleh kerana sabitannya menurut s 409 Kanun Keseksaan oleh Mahkamah Sesyen di Kuala Lumpur pada 27 Februari 1998 dalam Kes Tangkapan No 1-62-180-93, adalah seorang yang tidak sesuai meneruskan sebagai Pengerusi Lembaga Pengurusan bagi Khairat yang dikenali sebagai Kuil Sri Maha Mariamman, yang terletak di Jalan Tun HS Lee, Kuala Lumpur dan bahawa defendan pertama adalah juga tidak sesuai sebagai seorang penandatangan cek bagi akaun-akaun bank yang dipegang oleh Khairat tersebut;

(4) suatu deklarasi bahawa pembuangan plaintif kedua, ketiga dan keempat yang dikatakan itu, pada 26 April 1998 oleh Lembaga Pengurusan atas desakan defendan pertama adalah menyalahi undang-undang dan di luar kuasa (ultra vires) skim (rancangan), Kaedah-Kaedah dan Undang-undang Kecil Lembaga Pengurusan bagi Khairat yang dikenali sebagai Kuil Sri Maha Mariamman dan, oleh yang demikian, adalah batal dan tak sah;

(5) kos bagi permohonan ini hendaklah ditanggung oleh defendan pertama dan kedua;

(6) relif lanjut atau apa-apa relif lain yang dianggap patut diberi oleh mahkamah yang mulia ini.

Kandungan (9) pula adalah permohonan pihak defendan-defendan untuk perintah seperti berikut:

(a) Saman pemula bertarikh 8 Oktober 1998 dibatalkan menurut A 18 k 19(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan atau di bawah bidang kuasa sedia ada (inherent jurisdiction) mahkamah atas alasan-alasan bahawa:

(i) ianya tidak menunjukkan kausa tindakan yang munasabah;

(ii) ia adalah mengaibkan, remeh atau menyusahkan; dan atau

(iii) ia adalah suatu penyalahan proses mahkamah.

(b) Kos permohonan ini dibayar oleh pempetisyen;

(c) Satu tarikh ditetapkan untuk taksiran gantirugi yang dialami oleh responden;

(d) Lain-lain relif yang dianggap suaimanfaat oleh mahkamah yang mulia ini.

Fakta kes ini sebagai yang dinyatakan dalam afidavit sokongan pihak plaintif-plaintif adalah seperti berikut. Tindakan ini dibawa oleh plaintif pertama sebagai salah seorang wakil Lembaga Pengurusan bagi amanah khairat yang dikenali sebagai Kuil Sri Maha Mariamman di Jalan Tun HS Lee, Kuala Lumpur ('Kuil tersebut').

Kuil tersebut telah ditubuhkan pada tahun 1875. Melalui perintah Mahkamah Agung bertarikh 28 November 1930, Kuil Mariamman, High Street, Kuala Lumpur, Kuil Ganesar, Jalan Pudu Lama, Kuala Lumpur, dan Kuil Subramaniam, Batu Caves, bersama dengan harta dan wang-wang yang dimiliki oleh mereka, telah diisytiharkan sebagai suatu amanah khairat untuk faedah Ubayakarar-Ubayakarar bagi Kuil Mariamman. Kuil tersebut adalah suatu tempat ibadat yang terbuka kepada semua Hindu dan orang-orang lain dan ianya adalah tempat yang sangat suci.

Harta-harta Kuil tersebut diletakhak dengan tujuh orang pemegang amanah Kuil tersebut. Harta dan wang yang diletakhak dengan pemegang-pemegang amanah tersebut adalah diuruskan dan dikawal oleh Lembaga Pengurusan. Tiga orang Ubayakarar (ahli-ahli) daripada setiap Ubayam (kumpulan-kumpulan berdasarkan pekerjaan) dijadikan ahli-ahli Lembaga Pengurusan. Ada 67 wakil-wakil di Lembaga Pengurusan. Walau pun demikian, pada masa sekarang ada 63 wakil. Pemegang-pemegang amanah tersebut adalah ahli-ahli ex-officio Lembaga Pengurusan.

Defendan pertama adalah pada masa ini Pengerusi Lembaga Pengurusan dan mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga Pengurusan dan Jawatankuasa Kerja (Executive Committee) bagi Kuil tersebut. Beliau telah disabitkan oleh Mahkamah Sesyen pada 27 Februari 1998, menurut s 409 Kanun Keseksaan dan dipenjarakan 21 bulan atas tiga tuduhan pecah amanah jenayah dan didenda RM11,000. Walaubagaimana pun beliau telah dilepaskan atas jaminan, sementara menunggu rayuan.

Sementara itu, pihak plaintif oleh kerana khuatir bahawa wang yang dipunyai Khairat tersebut akan terjejas, telah menyuruh plaintif kedua, ketiga dan keempat yang juga pemegang-pemegang amanah Kuil tersebut, (iaitu setelah bekas Setiausaha Kehormat tidak mengadakan suatu mesyuarat Lembaga Pengurusan untuk membincangkan kelayakan defendan pertama sebagai Pengerusi) untuk mengarahkan peguamcara bersama mereka supaya menulis kepada BSN Commercial Bank, Cawangan Jalan Bunus dan Bank of Commerce, Cawangan Jalan Tuanku Abdul Rahman untuk membekukan akaun bank bagi Kuil tersebut. Akibat daripada itu, plaintif-plaintif tersebut telah disingkirkan sebagai pemegang amanah melalui surat bertarikh 29 April 1998, daripada bekas Setiausaha (sila lihat eks 'E' — kandungan (2)).

Pada permulaan prosiding, peguam pihak defendan-defendan, En Karpal Singh telah membangkitkan suatu bantahan permulaan, sebagai terdapat di kandungan (10) perenggan 13(d) iaitu:

> Saman pemula tersebut tidak mematuhi Akta Government Proceeding Act 1956 terutamanya tentang s 9(3) di mana dinyatakan dengan jelas bahawa Peguam Negara semestinya merupakan pihak kepada tindakan ini kegagalan yang mana bermakna keseluruhan tindakan ini adalah tidak sah dari permulaannya dan mesti dibatalkan.

Peguam kemudian merujuk kepada kes *Ledchumanan Nagappan v R Nadarajah & Ors* [1993] 4 CLJ 253, dan menumpukan kepada keputusan Mahkamah Tinggi yang berbunyi:

(2) As there had been a total failure to comply with the three preliminary requirements this action should not be allowed to proceed. These were the existence of at least two persons having an interest, the prior written consent of the Attorney General, and the suit itself being brought in the name of the Attorney General. On this ground alone this action and the application was wholly misconceived and failed.

Mengenai sama ada plaintif pertama dan 21 lagi adalah orang yang layak dan sesuai, peguam defendan merujuk kepada kes *Lee Chick Yet v Chen Siew Hee & Ors* [1977] 2 MLJ 218 di ms 219, perenggan D (sebelah kanan) yang menyatakan:

In *Halsbury's Laws of England*, Vol 4, at p 440, para 914 states:

Attorney General as necessary party. Where an action is necessary to enforce the execution of a charitable purpose, to remedy abuse or misapplication of charitable funds, or to administer a charity, the Attorney General is generally a necessary party and is normally the proper plaintiff. He may either act alone ex officio as the officer of the Crown and, as such, the protector of charities, or ex relatione, that is to say, at the request of a private individual called a relator who thinks the charity is being or has been abused.

Where there are relators, the Attorney General must sign the original writ.

An ordinary action may, with the sanction of the Attorney General, by amendment of the writ and statement of claim be turned into an action in the nature of an information.

Otherwise, actions of this kind, if instituted by parties other than the Attorney General, or the Solicitor General, are dismissed.

Atas alasan-alasan tersebut peguam pihak defendan memohon supaya permohonan pihak plaintif ditolak, kerana kegagalan membawa Peguam Negara adalah satu kecacatan asasi.

Mengikut peguam pihak plaintif, En Devadason pula, bantahan pihak defendan adalah tidak boleh diterima dalam undang-undang. Sebagai mengukuhkan pendapatnya beliau merujuk kepada Government Proceedings Act 1956. Seksyen 9 yang menyebut:

Public, religious, social or charitable trusts.

(1) In the case of any alleged breach of any express or constructive trust for public, religious, social or charitable purposes, or where the direction of the court is deemed necessary for the administration of any such trust, the Attorney General or two or more persons having an interest in the trust and having obtained the consent in writing of the Attorney General, may institute a suit or be joined as a party in any existing suit on behalf of the Government or the public for the purpose of —

(a) asserting any interest or right in the trust property;

(b) removing any trustee;

(c) appointing a new trustee;

(d) vesting any property in a trustee;

(e) directing accounts and inquiries;

(f) declaring what proportion of the trust property or of the interest therein shall be allocated to any particular object of the trust;

(g) authorising the whole or any part of the trust property to be let, sold, mortgaged, charged or exchanged; A

(h) settling a scheme; and

(i) obtaining such further or other relief as the nature of the case may require.

(2) No suit claiming any of the reliefs specified in subsection (1) shall be instituted in respect of any such trust as is therein referred to except in conformity with that subsection. B

Seterusnya autoriti yang dirujuk oleh peguam plaintif ialah *Haji Abdullah & Ors v Ibrahim & Ors* [1965] 2 MLJ 189. Mengikut kes itu, apa yang perlu ialah persetujuan dari Peguam Negara. Peguam seterusnya merujuk kepada eks F, di mana Peguam Negara telah memberi kebenaran tetapi tidak mahu menjadi pihak dalam kes ini. Surat bertarikh 24 Ogos 1998 (eks F — kandungan (2)) berbunyi: C

Perkara: (1) Satu Khairat Agama yang dikenali sebagai Kuil Sri Maha Mariamman, suatu permohonan menurut s 9 Akta Prosiding Kerajaan 1956, untuk persetujuan/kelulusan bertulis supaya memulakan prosiding terhadap Pengerusi, Setiausaha dan Lembaga Pengurusan untuk mendapat satu injunksi dan/atau deklarasi bahawa pengerusi berkenaan Nadraja s/o Ratnam dilucutkan kelayakannya (disqualified) daripada memegang jawatan sebagai Pengerusi Lembaga Pengurusan oleh kerana sabitannya di bawah s 409, Kanun Keseksaan oleh mahkamah sesyen pada 27 Februari 1998 D E

(2) Secara alternatif, Peguam Negara diminta menyatakan bahawa Nadraja s/o Ratnam dilucutkan kelayakannya daripada memegang jawatan sebagai pengerusi disebabkan sabitannya pada 27 Februari 1998

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas. F

(2) Bersama-sama ini disertakan sijil persetujuan YB Tan Sri Peguam Negara bagi membolehkan tuan memulakan prosiding sebagaimana terkandung di dalam saman pemula yang dibekalkan. Peguam Negara Malaysia hendaklah digugurkan sebagai defendan keempat. Kelewatan pemberian persetujuan Peguam Negara adalah atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. G

Oleh yang demikian adalah hujahan peguam plaintif bahawa permohonan plaintif ini tidak termasuk di bawah s 9(3) kerana pertama, Kerajaan tidak berminat dalam kes ini, kedua, kepentingan awam tidak terjejas, ketiga Khairat Agama ini ditubuhkan untuk kepentingan sekumpulan orang sahaja iaitu Ubayakarars. H

Akhir sekali peguam plaintif membezakan kes sekarang dengan kes *Ledchumanan Nagappan* di mana dalam kes tersebut kebenaran Peguam Negara tidak langsung dipohon, tetapi dalam kes sekarang Peguam Negara telah memberi jawapan yang mutlak, iaitu tidak ingin diheret masuk ke dalam prosiding ini. I

Setelah memberi pertimbangan sewajarnya kepada hujahan kedua-dua peguam, adalah pendapat saya bahawa kes *Ledchumanan Nagappan* tidak

terpakai di dalam kes sekarang kerana faktanya berbeza. Dalam kes tersebut Ledchumanan telah tidak memohon kebenaran Peguam Negara, tetapi dalam kes sekarang Peguam Negara telah memberi kebenarannya, hanya beliau tidak ingin dijadikan satu pihak. Oleh hal yang demikian saya telah menolak bantahan permulaan pihak defendan dan meneruskan dengan permohonan pihak plaintif di kandungan (1). Sebelum itu sayugia dinyatakan bahawa pihak defendan melalui peguamnya telah menarik balik kandungan (9). Oleh itu kandungan (9) dibatalkan.

Sekarang kita berbalik kepada kandungan (1). Adalah hujahan En Karpal Singh, peguam defendan bahawa sabitan di mahkamah sesyen ke atas defendan pertama tidak muktamad kerana beliau telah memfailkan notis rayuan di Mahkamah Tinggi. Sebagai mengukuhkan hujahannya, peguam telah mengemukakan beberapa autoriti iaitu:

(1) *The King v Barron* [1914] 2 KB 570 di ms 574;

(2) *Fan Yew Teng v Setia Usaha, Dewan Ra'ayat & Ors* [1975] 2 MLJ 40;

(3) *W E Balasingam v The Bar Council* [1986] 1 MLJ 334; dan

(4) *Jeyaretnam JB v Attorney General* [1990] 3 MLJ 211.

Berdasarkan autoriti-autoriti tersebut di atas, En Karpal Singh menekankan bahawa defendan pertama tidak boleh dianggap sebagai telah disabitkan.

Sebagai menjawab En Devadason, peguam pihak plaintif menyatakan bahawa autoriti-autoriti yang telah dirujuk adalah tidak relevan bagi kes sekarang kerana kes-kes tersebut adalah kes politik. Mengikut beliau, Lembaga Pengurusan telah enggan mengadakan satu mesyuarat untuk memecat defendan pertama, dan oleh kerana beliau masih menjadi Pengerusi, kedudukan Khairat Agama adalah terjejas. Pihak plaintif bimbang kerana defendan pertama yang telah disabitkan di bawah tuduhan pecah amanah, masih menjadi Pengerusi Khairat tersebut. Katanya, jika wang Khairat disulap atau diselewengkan oleh defendan pertama, siapakah yang boleh mengembalikan wang tersebut?

Persoalan penting yang harus diputuskan dahulu, ialah sama ada sabitan defendan pertama oleh mahkamah sesyen boleh dianggap sebagai muktamad memandangkan beliau telah pun memfail rayuannya ke Mahkamah Tinggi dan beliau dilepaskan atas jaminan.

Dengan segala hormatnya berpandukan kes-kes yag telah dirujuk, saya lebih bersetuju dengan hujahan peguam defendan pertama. Pada pendapat saya sungguh pun dua kes yang dirujuk oleh peguam defendan pertama iaitu kes *Fan Yew Teng* dan kes *Jeyaratnam JB* adalah kes politik tetapi kes *WE Balasingam* adalah satu kes pecah amanah. Dalam kes tersebut, Mahkamah Agung (pada masa itu) telah memutuskan:

> (1) it was not open to the Disciplinary Committee to go behind the conviction to ascertain whether the conviction was justified. The conviction was *final* in that the appeal against the conviction was dismissed, and therefore it was a conviction within the contemplation of s 93(2). (Emphasis added.)

Ini bermakna bahawa setelah rayuan terhadap sabitan ditolak, barulah sabitan tersebut dianggap muktamad.

Dalam kedua-dua kes politik yang dirujuk oleh peguam defendan pertama pula, saya berpendapat sungguh pun berunsur politik tetapi prinsip undang-undang yang diputuskan oleh kedua-dua Mahkamah Tinggi adalah mengenai hak seseorang di sisi undang-undang setelah disabitkan oleh mahkamah rendah dan rayuan dibuat ke Mahkamah Tinggi. Dalam kes *Fan Yew Teng* telah diputuskan:

> (1) the plaintiff's seat did not become vacant automatically merely because he had been convicted by the High Court and fined $2,000 and had not received a free pardon. He was entitled to exhaust his legal rights just as the House of Representatives was entitled to decide as to his disqualification at any time it deemed fit once the question of his disqualification was raised, although in what circumstances it was raised were not at all relevant.

Dalam kes *Jeyaratnam JB* pula oleh kerana rayuannya telah ditolak, Mahkamah Tinggi Singapura memutuskan:

> (1) On 11 November 1986, all possible recourse available to the plaintiff had been exhausted and as from 10 November 1986, he stood convicted of an offence and was sentenced to a term of imprisonment of one month and a fine of $5,000. His case was clearly within the ambit of art 45(1)(e) of the Constitution and by virtue of art 46(2)(e), the seat of the plaintiff as a Member of Parliament of the constituency of Anson 'shall become vacant'.

Mengenai prinsip undang-undang untuk membenarkan sesuatu permohonan injunksi pula, telah dengan jelas dinyatakan dalam kes *American Cyanamid Co v Ethicon Ltd* [1975] 2 WLR 316. Telah diputuskan bahawa:

> ... the court must determine the matter on a balance of convenience, there being no rule that it could not do so unless first satisfied that, if the case went to trial on no other evidence than that available at the hearing of the application, the plaintiff would be entitled to a permanent injunction in the terms of the interlocutory injunction sought; where there was a doubt as to the parties' respective remedies in damages being adequate to compensate them for loss occasioned by any restraint imposed on them, it would be prudent to preserve the status quo.

Adalah hujahan En Karpal Singh, peguam defendan pertama bahawa untuk memutuskan isu-isu yang dibangkitkan, di mana remedi yang dipohon adalah memerlukan budi bicara mahkamah, maka mahkamah harus menentukan sama ada isu-isu tersebut perlu dibicarakan.

Peguam pihak plaintif telah membangkitkan beberapa isu. Salah satu daripadanya ialah mengenai cek-cek kosong yang telah ditandangani terlebih dahulu oleh pemegang amanah dan diletakkan dalam simpanan bendahari. Pada pendapat saya isu ini dan isu-isu lain yang dibangkitkan harus dibicarakan dengan memanggil saksi-saksi untuk memberi keterangan lisan di dalam mahkamah dan tidak memadai dengan perbicaraan melalui keterangan afidavit sahaja.

Peguam pihak defendan pula berhujah bahawa pihak plaintif harus membuat satu permohonan untuk menukar permohonannya ke writ saman.

Beliau kemudian merujuk kepada kes *Re CHS* [1997] 3 MLJ 152 di mana (di ms 159G) hakim telah nyatakan:

> ... If in the case of a cause or matter begun by originating summons, it appears to the court at any stage of the proceedings that it should be continued as if the cause or matter had been begun by writ, then O 28 r 8(1) of the RHC expressly authorizes the court to order the proceedings to continue as if the cause or matter had been so begun.

Berbalik kepada prinsip untuk memberi perintah injunksi, berdasarkan fakta kes ini saya bersetuju bahawa wujud isu-isu penting yang perlu dibicarakan, tetapi berpendapat imbangan kesesuaian memihak kepada defendan pertama. Pada hemat saya, jika satu perintah injunksi diberikan pada masa ini adalah tidak adil kepada defendan pertama, di mana sabitannya belum muktamad dan perintah injunksi juga akan menjejaskan pentadbiran Khairat tersebut. Juga kerugian kepada pihak defendan terutama defendan pertama, tidak boleh dipampaskan dengan gantirugi kerana nama baiknya telah tercemar apabila beliau diberhentikan dari menjadi seorang Pengerusi oleh pihak plaintif apabila di akhir perbicaraan, beliau didapati tidak bersalah.

Akhir sekali, memandangkan Khairat ini mempunyai ramai ahli, maka adalah lebih wajar untuk mengekalkan ketenteraman awam dan untuk kebaikan Khairat tersebut, supaya perintah yang dipohon oleh pihak plaintif-plaintif tidak dibenarkan. Sebaliknya adalah lebih baik kes ini dibicarakan di mahkamah terbuka dengan memanggil saksi-saksi dan pada masa itu ditentukan siapakah yang benar. Dengan demikian, dari segi keadilan saya telah memerintahkan supaya saman pemula ini ditukar ke satu tindakan writ di bawah A 28 k 8 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan membuat arahan-arahan yang berbangkit daripada perintah tersebut.

*Diperintahkan saman pemula ditukar kepada tindakan writ.*

Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar